

YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG

Amoxicillin Trihydrate (500mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG
2. Bagaimana YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG berfungsi
3. Sebelum menggunakan YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG
4. Cara menggunakan YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG
5. Semasa menggunakan YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG

Ia adalah digunakan untuk merawat jangkitan yang disebabkan oleh bakteria tertentu seperti:

- jangkitan telinga, hidung dan tekak
- jangkitan saluran pernafasan (bronkitis iaitu jangkitan saluran pernafasan daripada paru-paru utama atau cabang tenggorok yang menyebabkan keradangan, atau radang saluran, radang paru-paru, dan batuk kokol)

- jangkitan saluran kencing
 - jangkitan pada kulit dan tisu lembut
- Ia juga digunakan dalam kombinasi dengan ubat lain untuk menghilangkan *H.pylori*, bakteria yang menyebabkan ulser perut.

Bagaimana YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG berfungsi

YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG adalah tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dinamakan "*penicillin*", iaitu merupakan sejenis antibiotik dan bertindak dengan membunuh bakteria yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum menggunakan YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG jika:

- anda mempunyai alahan (hipersensitif) terhadap *amoxicillin*, *penicillin*, antibiotik beta laktam atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.
- anda pernah mempunyai alahan (hipersensitif) tindak balas kepada *penicillin*, antibiotik beta laktam atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.

Jika anda hamil, merancang untuk hamil atau rasa mungkin hamil, sila rujuk kepada doktor anda sebelum mengambil produk ini.

Jika anda sedang menyusukan anak, sila rujuk kepada doktor anda sebelum mengambil produk ini.

- Sebelum menggunakan YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda alah terhadap sebarang ubat ataupun mempunyai sebarang masalah kesihatan.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengandung atau menyusui.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Jumpa dengan doktor atau ahli farmasi anda sekiranya ingin menggunakan YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG dengan ubat-ubatan yang lain seperti:

- warfarin – INR berkemungkinan akan terjejas;
- pil perancang – terdapat risiko pil perancang yang tidak berfungsi untuk kesan maksima.
- Probenecid – jika anda mengambil ubat probenecid (digunakan untuk merawat gout), doktor anda boleh membuat

keputusan untuk menyesuaikan dos amoxicillin anda.

Cara menggunakan YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG

Ikut arahan yang diberikan oleh doctor atau ahli farmasi kepada anda dengan teliti. Sentiasa semak atau bertanya kepada doctor atau ahli farmasi anda sekiranya tidak jelas dengan penggunaan YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG.

- Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: Satu kapsul YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG diambil tiga kali sehari.

Kanak-kanak: 20-40mg/kg/dalam dos berasingan selama lapan hari.

- Bila perlu digunakan

YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG boleh diambil selepas makan untuk penyerapan yang lebih baik. Telan kapsul dengan minum segelas air.

- Berapa lama perlu digunakan

YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG perlulah diambil dengan tetap dan mengikut arahan doktor anda.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa satu dos YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG, ambil dos tersebut secepat mungkin. Tetapi, sekiranya sudah mendekati masa pengambilan dos yang seterusnya, abaikan dos yang terlepas. Jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa. Jangan mengambil dua dos pada masa yang sama.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital sekiranya anda terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG

Amoxicillin Trihydrate (500mg)

Gejala-gejala terlebih dos termasuklah ketidakselesaan perut (loya, muntah atau cirit-birit) atau pembentukan amoxicillin dalam air kencing, di mana air kencing berkemungkinan mendung, atau mengalami masalah buang air kecil.

Semasa menggunakan YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG

- Perkara yang perlu dilakukan

Ikut arahan doktor anda semasa anda mengambil YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG.

Beritahu doctor dan ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG.

Mengandung

Anda perlulah memberitahu doktor anda sekiranya anda mengandung atau merancang untuk mengandung.

Penyusuan

Anda perlulah memberitahu doktor anda sekiranya anda sedang atau merancang untuk menyusukan anak.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil ubat ini atau mengubah dos yang sedang diambil tanpa arahan doktor. Jangan memberi ubat ini kepada orang lain walaupun tanda-tanda mereka serupa dengan anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Sekiranya anda mengalami simptom-simptom alergi selepas mula mengambil amoxicillin, sila berjumpa dengan doktor anda dengan serta-merta. Gejala-gejala ini termasuk ruam kulit atau bengkak muka atau leher.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang dapat. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana simptom berikut selepas mengambil ubat ini kerana simptom-simptom ini boleh memudaratkan.

- Ruam kulit yang merah dan gatal
- Gatal kulit
- Kemarahan dan mengelupas kulit
- Pecahan sel darah merah yang tidak normal
- Pengurangan bilangan sel darah putih
- Tahap platelet yang rendah
- Perubahan warna lidah
- Keradangan lidah
- Keradangan mulut dan bibir
- Sakit mulut atau lidah
- Keradangan tisu interstitial buah pinggang
- Peningkatan sederhana pada tahap AST (*aspartate aminotransferase*); ujian darah yang memeriksa kerosakan hati.

Berhenti mengambil YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG dan hubungi doctor anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana yang berikut:

Reaksi alergi yang serius seperti Reaksi Ubat dengan Eosinophilia dan Gejala Sistemik (atau pun dikenali sebagai Drug Reaction with Eosinophilia and Systemic Symptoms – DRESS). DRESS muncul pada mulanya sebagai simptom seperti selesema dengan ruam pada muka dan diikuti dengan ruam lanjutan, suhu yang tinggi serta bengkak nodus limfa (bengkak kelenjar).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C, elakkan daripada terdedah kepada haba dan pancaran cahaya terus.

Jauhkan daripada kanak-kanak.

Jangan guna YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG selepas tarikh luput (EXP) yang dinyatakan pada *blister*. Tarikh luput yang dinyatakan adalah merujuk kepada tarikh terakhir pada bulan tersebut.

- Pelupusan

Kembalikan ubat yang tidak digunakan atau telah tamat tempoh kepada doktor, ahli farmasi atau pengamal perubatan profesional untuk cara pelupusan yang selamat.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Kapsul gelatin yang keras di mana topinya berwarna merah dan badannya berwarna kuning dengan topi dan badan dicetak “YSP AX5”

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Amoxicillin Trihydrate
- Bahan tidak aktif
Lactose
Sodium Starch Glycolate
Magnesium Stearate
Talc

- Nombor MAL

MAL19900076AZ

Pengilang

Yung Shin Pharmaceutical Ind. Co. Ltd.
Taichung Youth Factory III
No. 26, Kung Liu Rd., Tachia, Taichung,
Taiwan, R.O.C.

YSP AMOXICILLIN CAPSULES 500MG

Amoxicillin Trihydrate (500mg)

Pemegang Pendaftaran Produk

Y.S.P. Industries (M) Sdn. Bhd.

Lot 3, 5, 7, 12 & 14, Jalan P/7, Section 13,
Kawasan Perindustrian Bandar Baru
Bangi, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP:

05/09/2025

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)180619/00161